

# Penculik sedia bebas tebusan

Oleh Jackson Sawatan

BH 26 MAY 2000

JOLO (Filipina), Khamis – Kumpulan bersenjata yang menahan 21 orang, kebanyakannya pelancong asing, di pulau ini sejak sebulan lalu berkata mereka boleh dibebaskan lebih awal jika rundingan yang dijadual bermula di sini esok, berhasil.

Rundingan untuk mendapatkan pembebasan mangsa itu, termasuk sembilan rakyat Malaysia yang diculik dari Pulau Sipadan di perairan Sabah pada 23 April lalu, ditetapkan di satu tempat yang tidak dinyatakan di sini esok, selepas ia ditunda beberapa kali.

Pemimpin kumpulan itu, Galib Andang atau lebih dikenali sebagai Komander Robot, berkata demikian dalam satu temubual dengan Bernama di satu tempat persembunyian di mana mangsa penculikan itu ditahan, kira-kira 40 kilometer dari sini hari ini.

Romhongan Bernama itu mengamati masa 90 minit dengan menaiki jeepncy atau beca bermotor untuk tiba di tempat persembunyian yang terletak di sebuah ladang kelapa.

"Jika rundingan formal itu berhasil, pembebasan mangsa berkenaan boleh dibuat dalam masa satu jam. Jika rundingan itu tidak berjalan dengan baik, ia mungkin mengambil masa 10 hari,"

**Tebusan Malaysia  
minta keluarga  
jangan bimbang  
– Muka 15**

kata Komander Robot yang bertutur dalam bahasa Suluk.

Roland Ullah, seorang penyelam Filipina yang bekerja di Sipadan dan seorang daripada mangsa culik itu, bertindak sebagai jurubahasa dalam temubual berkenaan.

Temubual itu diadakan dalam suasana tegang ketika kira-kira 80 orang yang lengkap bersenjata sebelum itu menemui rombongan Bernama setibanya di tempat persembunyian pada kira-kira jam 1.50 tengah hari.

Selepas memeriksa pengenalan diri mereka, kira-kira 25 daripada anggota bersenjata itu berkawal ketika pemimpin mereka ditemuramah oleh rombongan Bernama yang terdiri daripada seorang wartawan, seorang jurugambar dan seorang jurukamera TV Bernama.

Komander Rohot berkata, satu daripada syarat bagi membolehkan rundi-

ngan itu dimulakan ialah kehadiran semua lima pegawai yang dilantik Kerajaan Filipina dengan jumlah yang sama dari pihaknya, termasuk dirinya sendiri.

Mereka ialah Ketua Perunding Filipina, Robert Aventajado; Gabenor Sulu, Abdusakur Tan; wakil khas Libya, Abdul Rajab Azzaroug; pemimpin Islam tempatan Ibrahim Ghazali dan seorang lagi wakil khas, Dr Farouk Hussain.

Selain Komander Robot, kumpulan bersenjata itu akan disertai oleh ketua staf kumpulan itu Raddulan Shahirun; Dr Abu Abdin Jundain; Mujib Susukan dan Nadzmi Saaddula atau dikenali juga sebagai Komander Global.

"Rundingan formal itu boleh her-

jaya jika semua lima perunding itu hadir. Apabila mereka hadir baru kami akan menghadiri rundingan itu. Jika seorang daripada mereka tidak hadir, rundingan itu tidak dapat dimulakan," katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa tidak harus ada usaha untuk mensabotaj rundingan itu yang beliau jelaskan sebagai kehadiran tentera Filipina di kawasan sekitar.

"Tidak harus ada sabotaj. Pasukan tentera tidak boleh dipercayai. Bagaimanapun, polis kebangsaan Filipina boleh bertindak sebagai pasukan keselamatan bagi rundingan itu," katanya.

Ketika ditanya kenapa rundingan itu

**LIHAT MUKA 14**

# Komander Robot mohon maaf

DARI MUKA 1

BH 26 MAY 2000

tergendala beberapa kali, Komander Robot berkata ia disebabkan oleh kehadiran pasukan tentera di kawasan yang berdekatan dengan tempat mangsa culik itu ditahan.

"Mereka telah memburu kami dan kami terpaksa menukar tempat persembunyian sebanyak empat kali setakat ini. Ini sebabnya kenapa rundingan itu tergendala. Sebenarnya, kami telah menyatakan tuntutan kami lebih awal lagi," katanya.

Ini mengakibatkan kejadian tembak-menembak di antara tentera dan kumpulan itu sepanjang dua minggu pertama krisis penculikan berkenaan.

Komander Robot berkata, run-

dingan itu juga tidak dapat diadakan lebih awal kerana 'ada terlalu banyak utusan'.

"Kira-kira 20 utusan telah menghubungi atau datang berjumpa kami. Oleh itu, kami keliru dengan siapa kami perlu mengadakan rundingan itu," katanya.

Beliau mengulangi dua tuntutan penting kumpulan itu bagi mendapatkan pembebasan mangsa culik itu - penubuhan sebuah negara Islam yang merdeka di Mindanao yang majoritinya orang Islam dan pengwujudan Suruhanjaya Sabah untuk menyiasat apa yang beliau dakwa sebagai 'pelanggaran hak asasi manusia' terhadap rakyat Moro.

Komander Robot juga berkata, pihaknya akan membangkitkan 'beberapa perkara lain' ketika rundingan itu. Beliau enggan mengulas mengenainya.

Semasa temubual itu, Komander Robot merampas mikrofon TV Bernama dan membuat kenyataan ini:

"Saya memohon maaf kepada orang Islam di Sabah dan juga kepada Perdana Menteri (Malaysia) (Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad di atas perbuatan kumpulan saya ini. Bagaimanapun, ia dilakukan untuk mendesak penubuhan sebuah negara Islam di Mindanao.

"Kami mengambil tawanan itu di perairan Sabah bukan kerana

kami mahu membawa keluar Sabah dari Malaysia."

Rombongan Bernama itu kemudian dibawa ke sebuah pondok buluh di mana sembilan rakyat Malaysia itu ditahan dan dibenarkan untuk menemuramah mereka.

Mereka berkata, walaupun berasa tidak berdaya dan kecewa, mereka masih menaruh harapan bagi pembebasan mereka.

Mereka juga meminta keluar-ga mereka supaya bersahar menanti kepulangan mereka.

Tiga daripada tawanan Malaysia itu, Kua Yu Loong, Lee Hock Leong, kedua-duanya tukang masak di resort di Sipadan, dan Ken Fong, seorang lagi pekerja

## kepada Dr Mahathir

resort, bercakap kepada TV Bernama dalam bahasa Cina, ditunjukkan khas kepada keluarga mereka di tanah air.

Mereka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, terutama Dr Mahathir kerana mengambil berat dan di atas usaha untuk mendapatkan pembebasan mereka.

Mereka berkata, mereka telah menerima makanan dan ubat-ubatan yang dihantar oleh Kerajaan Malaysia.

"Kami tidak dianiaya oleh mereka yang menahan kami di sini. Jangan bimbang dan kami berharap supaya dapat keluar dari sini tidak lama lagi," kata mereka.

Rombongan Bernama itu juga melihat tawanan lain bergerak di sekitar kawasan berkenaan, termasuk Renate Wallert, wanita Jerman yang dilaporkan sakit tenat.

Tawanan lain ialah suami Renate, Marc dan anak mereka Warner, dua rakyat Afrika Selatan, dua rakyat Perancis, dua rakyat Finland dan seorang rakyat Lubnan.

Komander Robot juga berkata, pendedag Filipina di Sabah yang tidak melakukan sebarang jenayah tidak patut ditahan.

"Hanya jika mereka melakukan jenayah atau terbabit dalam kegiatan jenayah seperti penyedulupan dadah wajar ditangkap,"

katanya dengan merujuk kepada operasi polis terhadap pendedag tanpa izin berikutan kejadian penculikan di Sipadan itu.

Sabah kini menjadi tempat penginapan kepada beribu-ribu pendedag Filipina yang mula lari dari selatan Filipina pada tahun 1960-an berikutan satu pemberontakan.

Sebelum meninggalkan tempat persembunyian itu, jurukamera TV, Rostam Ramli, sempat memberikan sehelai sejadah kepada Komander Robot.

Pemimpin kumpulan itu berkata: "Saya tidak dapat membalas pemberian ini tetapi hanya Allah boleh berbuat demikian".